

Anwar nafi langgar peraturan kempen, tuduhan terhadapnya tidak berasas
Malaysian Insider
Feb 10, 2014

Ketua Pembangkang dan calon PKR bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang, Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata, beliau tidak akan melayan tuduhan tidak berasas yang mengatakan beliau melanggar undang-undang kerana berkempen awal bagi kerusi itu.

Anwar berkata, Barisan Nasional (BN) sebenarnya yang melancarkan kempen agresif terhadapnya menerusi media yang dikawal kerajaan.

“Anda tanya dia supaya tanya TV3? Sama ada mereka belum lagi melancarkan sebarang kempen jahat. Setiap hari, semakin ramai hero yang bercakap (mengenai saya),” katanya kepada wartawan di Hotel One World, Petaling Jaya, hari ini.

Kenyataan itu susulan daripada laporan polis yang dibuat beberapa penduduk dan kenyataan daripada pihak mesra BN bahawa Anwar melanggar undang-undang pilihan raya kerana berkempen awal.

Anwar berkata, beliau akan mematahkan dakwaan itu walaupun ia dibuat oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

“SPR menjadi jurucakap Umno atau untuk mereka sendiri.

“Adakah mereka tidak menonton RTM dan TV3 atau baca Utusan Malaysia,” katanya.

Minggu lalu, SPR menetapkan tarikh penamaan calon ialah 11 Mac manakala hari membuang undi pada 23 Mac.

Akhbar lidah rasmi Umno, Utusan Malaysia hari ini melaporkan bahawa Timbalan Ketua Polis

Selangor, Datuk Abdul Rahim Jaafar, berkata beberapa siri majlis anjuran PKR dan Anwar yang diadakan di Kajang dalam tempoh 17 hari lalu adalah haram.

Beliau berkata, polis sendiri membuat laporan dan menyiasat Anwar kerana melanggar peruntukan dalam Akta Perhimpunan Aman 2012.

“Kempen belum bermula, maka sebarang perhimpunan atau ceramah tidak dibenarkan buat masa ini,” katanya kepada akhbar harian berbahasa Melayu itu. – 10 Februari, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-nafi-langgar-peraturan-kempen-tuduhan-terhadapnya-tidak-berasas>